

Contohi nilai toleransi pemimpin terdahulu

SERDANG 19 Nov. - Generasi muda perlu mempelajari dan menghayati keteguhan semangat toleransi kaum yang ditonjolkan pemimpin terdahulu ketika mencapai kemerdekaan untuk mengekalkan nilai perpaduan antara pelbagai etnik di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup berkata, kefahaman masyarakat tentang kontrak sosial yang diwujudkan suatu masa dulu amat penting kerana berhujah tanpa memahami sejarah penubuhannya berisiko memporak-perandakan keharmonian kaum.

"Kontrak sosial tidak ditandatangani secara paksa sebaliknya melalui hasil toleransi yang dipersetujui secara telus demi masa depan dan hala tuju negara.

"Generasi muda perlu sedar dan mengakui kejahilan serta kurang pengetahuan mengenai kontrak ini boleh dimanipulasikan dan akhirnya menimbulkan provokasi yang jelas akan mencetuskan ketegangan kaum," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Kesederhanaan dan Meraikan Kepelbagaian di Malaysia di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselorinya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan; Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, L. Gandesan dan Dekan Fakulti Ekologi Manusia UPM, Prof. Dr. Zaid Ahmad.

Beliau turut melancarkan buku Toleransi Kaum yang mengandungi fakta dan maklumat penting tentang



JOSEPH KURUP (dua dari kanan) melancarkan Buku Toleransi Kaum selepas merasmikan Seminar Kesederhanaan dan Meraikan Kepelbagaian di Malaysia di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, semalam.

perjalanan perit pemimpin sebelum ini untuk mencapai kemerdekaan dan menempuh pelbagai kerentang birokrasi penjajah.

Sementara itu, kata Joseph, rakyat seharusnya menolak semangat tak-subs dalam memperjuangkan kepentingan sesuatu kaum kerana tindakan ekstrem seumpama itu memudararatkan masyarakat serta negara.

"Sebarang insiden ekstrem boleh mencetuskan impak yang cukup dahsyat jika tidak ditangani dengan bijak. Kita tidak mahu Malaysia menjadi sarang percambahan ideologi ekstremis maka tidak boleh dibiarkan seperti virus yang menular."

"Media sosial sering menjadi tempat membuat provokasi walaupun bukan semua yang dimuat

naik dalam laman-laman tersebut tulen dan benar tetapi masyarakat cenderung untuk mempercayainya membuta-tuli," katanya.

Sehubungan itu, beliau percaya amalan toleransi dan kesederhanaan dalam kehidupan seharian bermula di rumah dan sekolah mampu mengekang sebarang tindakan negatif dan ekstrem.